

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
2024, Vol 7, Bil 2, Halaman 27-40

## **Cabaran Pelajar Tahfiz dalam menamatkan hafazan 30 juzuk: Kajian Kes di Universiti Islam Selangor**

### *The Challenge of Tahfiz Students in completing the memorization of 30 constituents: A Case Study at Selangor Islamic University*

**Sharifah Noorhidayah Syed Aziz<sup>1\*</sup>, Lissailin Baharudin<sup>2</sup> & Mohamad Syahmi Suhaimi<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Tahfiz al-Quran and al-Qiraat, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Selangor Islamic University, 43600, Bandar Seri Putra Kajang Selangor.

<sup>2</sup> Sekolah Menengah Agama Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

<sup>3</sup> Jabatan Tahfiz al-Quran and al-Qiraat, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Selangor Islamic University, 43600, Bandar Seri Putra Kajang Selangor

\* Corresponding Author: Sharifah Noorhidayah Syed Aziz. Jabatan Tahfiz al-Quran and al-Qiraat, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Selangor Islamic University, 43600, Bandar Seri Putra Kajang Selangor ORCID iD. 0000-0002-5770-4004

Artikel dihantar: 13 September 2024

Artikel diterima: 11 November 2024

Artikel diterbit: 26 Disember 2024

#### **ABSTRACT**

*At Universiti Islam Selangor, the main requirement for students who wish to enter the Bachelor's Degree in al-Quran Studies and al-Qiraat program is to complete the memorization of 30 juzuk of the al-Quran first during school or Diploma level. Through this program, students also have to repeat the memorization of the al-Quran from the beginning of juzuk and have to attend tasmik classes three times a week as scheduled. Every student has to complete a five-component juzuk test every semester. However, it becomes a problem when most students are unable to complete the five-component juzuk. From the observation, most students have various challenges in completing the memorization measure. Therefore, this study was conducted to examine the challenges faced by students to complete memorization measures each semester. This study is a qualitative study conducted using a case study approach. A total of 12 students were selected as study participants, consisting of weak, average and excellent students. Interview and observation instruments were used in this study to collect research data. The data obtained was analyzed thematically. The results of the study found that most students could not complete the memorization test due to the factors of self-challenge, time management, lack of motivation, and being influenced by friends. It is hoped that this study can help students master memorization and complete their studies better and with excellence.*

#### **Keywords**

*Tahfiz Student Challenge, 30 Juzuk Memorization, Selangor Islamic University*

## ABSTRAK

Di Universiti Islam Selangor, syarat utama pelajar yang ingin memasuki program Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan al-Qiraat perlu menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran terlebih dahulu semasa peringkat sekolah atau peringkat Diploma. Melalui program ini, pelajar juga perlu mengulang semula hafazan al-Quran dari awal juzuk dan perlu menghadiri kelas tasmik tiga kali seminggu seperti yang telah dijadualkan. Setiap pelajar perlu menghabiskan sukatan hafazan lima juzuk setiap semester. Namun, menjadi permasalahan apabila kebanyakan pelajar tidak dapat menghabiskan sukatan lima juzuk tersebut. Hasil pemerhatian, kebanyakan pelajar mempunyai pelbagai cabaran dalam menghabiskan sukatan hafazan tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pelajar untuk menghabiskan sukatan hafazan setiap semester. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Seramai 12 orang mahasiswa dipilih sebagai peserta kajian yang terdiri dari pelajar yang lemah, sederhana dan cemerlang. Instrumen temubual dan pemerhatian digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul data kajian. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar tidak dapat menamatkan sukatan hafazan disebabkan faktor cabaran diri sendiri, pengurusan masa, kurang motivasi, dan terpengaruh dengan rakan-rakan. Diharapkan kajian ini dapat membantu pelajar dalam menguasai hafazan dan menamatkan pengajian dengan lebih baik dan cemerlang.

## Kata kunci

*Cabaran Pelajar Tahfiz, Hafazan 30 juzuk, Universiti Islam Selangor*

**How to Cite:** syed aziz, sharifah noorhidayah, Baharudin, L., & Suhaimi, M. S. . . (2024). Cabaran Pelajar Tahfiz dalam menamatkan hafazan 30 juzuk: Kajian Kes di Universiti Islam Selangor: The Challenge of Tahfiz Students in completing the memorization of 30 constituents: A Case Study at Selangor Islamic University. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(2), 27–39.

DOI: <https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/86>

## 1.0 PENGENALAN

Menghafaz ayat suci al-Quran merupakan suatu ibadah yang sangat mulia. Para penghafaz al-Quran mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. Banyak kelebihan dan manfaat yang dapat diperoleh para penghafaz al-Quran. Sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibn Majah daripada Anas RA, Rasulullah SAW bersabda: “*Sesungguhnya Allah itu mempunyai keluarga yang terdiri daripada kalangan manusia.*” Kemudian Anas bertanya: “*Siapakah mereka itu wahai Rasulullah?*”, baginda menjawab: “*Mereka itu ahli Al-Quran iaitu orang yang membaca atau menghafaz al-Quran dan mengamalkan isinya, merekalah keluarga Allah dan orang yang istimewa bagi Allah.*”

Menghafaz al-Quran bukanlah suatu perkara yang mudah, ia mempunyai cabaran dan kesukaran yang memerlukan kepada komitmen para penghafaz al-Quran itu sendiri (Hasan et al., 2017). Kaedah menghafaz dan perancangan pelaksanaan hafazan yang bersistematik itu penting dalam membantu proses menghafaz ayat-ayat al-Quran. Proses tersebut diteruskan demi menjaga ayat-ayat yang dihafaz sentiasa terpelihara dalam ingatan agar tidak terlupa. Mengingati ayat-ayat al-Quran yang dihafaz merupakan satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul (Abu Najihat, 2002). Oleh itu, para penghafaz al-Quran perlu mengambil cakna dan berusaha untuk menjaga hafazan mereka agar terus kekal dalam ingatan.



## 2.0 TAHFIZ AL-QURAN INSTITUTION IN MALAYSIA

Terdapat ramai mahasiswa yang telah menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran namun didapati tidak dapat menguasai dan mengingati hafazan mereka. Berdasarkan hasil penelitian, para mahasiswa yang menghadiri temuduga bagi melanjutkan pengajian dalam bidang tahfiz dan qiraat di Universiti Awam antaranya di Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Swasta seperti Universiti Islam Melaka dan Universiti Islam Selangor tidak dapat mengingati dengan baik akan hafazan mereka walaupun semua pelajar tersebut telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran (Abd Rahman Abd.Ghani, et al. 2020).

Khairul Anuar Mohamad (2009) juga mendapati dalam kajiannya, ramai penghafaz al-Quran hanya mampu menghafaz dan menjaga al-Quran semasa sesi pengajiannya sahaja, namun setelah tamat pengajian mereka gagal menjaga al-Quran dengan alasan sibuk dengan urusan kerja, tiada suasana dan tiada motivasi untuk mengulang hafazan. Faktor pengurusan masa amat mempengaruhi tahap hafazan pelajar aliran tahfiz. Kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Hafiz (2005) menyatakan kegagalan dalam mengurus masa dalam pembelajaran akan mendatangkan kesan yang negatif kepada para penghafaz al-Quran. Penghafaz al-Quran yang tidak mampu untuk mengurus masa secara berdisiplin akan merasa kesuntukan masa untuk menghafaz di samping melakukan kerja-kerja yang lain (Temu bual, 2023). Oleh yang demikian seorang penghafaz al-Quran perlulah bijak mendisiplinkan diri dan mencari masa untuk menghafaz dan mengulang.

Antara permasalahan lain yang timbul adalah silibus yang dimasukkan dalam kurikulum tahfiz adalah menghafaz sahaja. Adapun mengulang tidak dimasukkan di dalam silibus pembelajaran disebabkan kekangan masa serta dilihat menjadi bebanan kepada pelajar (Hayati Hussin et al. 2021). Ulangan hafazan hanya dijalankan secara tidak formal serta mengikut kelapangan masa pelajar itu sendiri. Pelajar juga lebih memberi tumpuan supaya dapat mencapai silibus hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah ataupun di Universiti. Faktor-faktor ini memberi satu indikator bahawa kajian ini perlu dijalankan bagi mengkaji cabaran-cabaran bagi pelajar di Universiti Islam Selangor dalam menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran mereka.

## 3.0 PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL-QIRAAT (KEPUJIAN) UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

Program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat (Kepujian) merupakan satu program di bawah Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat. Program ini telah memulakan pengambilan pelajarinya yang pertama pada sesi Mei 2002 setelah mendapat kebenaran secara rasmi untuk mengendalikan kursus daripada Lembaga Kelayakan Malaysia yang dikenali sebelum ini dengan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Jabatan Pendidikan Swasta. Pada 20 April 2004 Jabatan Tahfiz Al-Quran dan al-Qiraat telah berjaya mendapat pengiktirafan penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) No siri: 00716 dan no pendaftaran: A 0840 dan diperbaharui pada 10 Feb. 2009 dan no. pendaftaran A 7641. Jabatan sekali lagi telah mendapat kelulusan bagi menawarkan program Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat pada 7 Januari 2010 dan no. pendaftaran KA 10082 (Lawan Web Rasmi UIS, 2024).

Penubuhan Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat (Kepujian) di Universiti Islam Selangor telah membuka dan memberikan satu peluang kepada semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pelajar Diploma dari seluruh Malaysia untuk menceburi bidang menghafaz Al-Quran dan mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya termasuklah ilmu Qiraat (Temu bual, 2023) . Namun begitu, bagi pelajar lepasan SPM/ setaraf yang berminat mengikuti program ini perlulah mempunyai sijil tamat hafazan di mana-mana maahad tahfiz yang berdaftar.



Kemudian, pelajar perlu mengambil sijil Asasi Pengajian Islam di Universiti Islam Selangor selama 3 semester sebelum melayakkan diri mengikuti program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat (Kepujian).

Bagi pelajar lepasan Diploma pula, mereka boleh terus memohon memasuki program ini dengan syarat mempunyai kelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di mana-mana institusi pengajian tinggi yang berdaftar. Sekiranya pelajar mempunyai Diploma selain dari program Diploma Tahfiz, tetapi berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Mudah Tahfiz, pelajar perlu mempunyai sijil menamatkan hafazan di mana-mana Maahad tahfiz pada peringkat sekolah menengah sebelum melayakkan diri meneruskan pengajian program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat (Kepujian). Begitu juga dengan pelajar lepasan STAM/STPM, pelajar mestilah mempunyai sijil menamatkan hafazan sebelum memohon program ini (Temubual, 2023).

Program ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk membuka ruang kepada para pelajar menghafaz al-Quran dengan baik dan sempurna, di samping memahami secara mendalam tentang semua ilmu yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Qiraat serta cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan kedua-duanya. Dengan pelaksanaan sistem talaqqi dan musyafahah yang diamalkan oleh para ulama terdahulu serta pembelajaran berbentuk kuliah, syarahan dan tutorial, para pelajar akan dapat menjadi seorang Hafiz al-Quran yang menjadi contoh dan tauladan terbaik untuk masyarakat awam di luar bidang agama.

Program Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat (Kepujian) bukan hanya menumpukan 30 juzuk hafazan semata-mata, malah sukatan pelajaran seperti subjek Qiraat yang merangkumi Usul Qiraat dan farash huruf yang dipelajari secara teori dan praktikal menerusi subjek Qiraat Ilmiyyah Wa Hifz Al-Mutun dan Qiraat Amaliyyan. Subjek Qiraat yang lain seperti Qiraat Dalam Perundangan Islam, Tawjih Al-Qiraat, Tarikh Al-Qurra' Wa Al-Qiraat juga dipelajari dalam program ini. Selain subjek Qiraat yang dipelajari, subjek lain yang berkaitan dengan al-Quran juga perlu dipelajari. Antara subjek lain yang dipelajari adalah seperti subjek Dabt wa Rasm al-Quran, Ilmu Fawasil, Tadabbur al-Quran, Sejarah Mashaf kontemporari, Israiliyyat fi tafsir al-Quran, tafsir ayat al-ahkam, Ilmu takhrij Hadith Fiqh al-Sirah, Fiqh Muamalat dan Jinayat, Tarannum dam Tartil al-Quran juga dipelajari sepanjang pengajian. Subjek-subjek yang berkaitan telah disusun sesuai mengikut keperluan pelajar (Laman Web Rasmi UIS, 2024) <https://study.uis.edu.my/bi04>

Bagi subjek wajib, iaitu subjek hafazan Iadah Hifz Al-Quran, subjek ini dilaksanakan tiga kali seminggu dengan masa yang diperuntukan dua jam bagi setiap sesi. Subjek ini merupakan subjek utama dalam program pengajian Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat, UIS. Ini bertepatan dengan objektif dan hasil pembelajaran program pengajian yang bermatlamat melahirkan graduan yang mahir dalam pengajian al-Quran dan al-Qiraat (Temu bual, 2023).

Dalam program pengajian Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat (Kepujian) ini, pelajar dapat memahami dan mendalami al-Quran serta dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari sepanjang pengajian ini dalam kehidupan mereka. Ia juga dapat melatih pelajar dalam menangani isu-isu semasa dan permasalahan yang berlaku di era serba canggih ini berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Hasil semakan literatur dan pemerhatian, masih belum ada lagi Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang mewajibkan pelajar Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat (Kepujian) mengkhataamkan hafazan 30 juzuk secara tasmik dengan guru melainkan hanya di Universiti Islam Selangor sahaja. Justeru, menjadi satu kelebihan kepada pelajar program ini kerana dapat menguasai bidang al-Quran dan al-Qiraat serta dapat mengingati al-Quran (Temu bual, 2023).



## 4.0 METODOLOGI KAJIAN

### Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara mengumpul dan mengolah data berdasarkan perancangan khusus dan sistematik yang melibatkan serangkaian pemboleh ubah dalam sesebuah kajian (Chua Yan Piaw 2006). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Kaedah kajian kes merupakan satu inkuiri empirikal untuk menyiasat sesuatu fenomena dalam konteks sebenar dengan penggunaan pelbagai kaedah untuk memperolehi data (Yin, 1994). Dalam kajian ini, kes yang difokuskan adalah cabaran pelajar tahfiz dalam menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran yang di Universiti Islam Selangor. Pengumpulan data melalui temu bual mendalam menjadi tunjang kepada kajian ini. Pendekatan ini bertujuan untuk pengkaji bertemu secara langsung dengan peserta kajian sekaligus memahami apa yang berlaku menerusi interaksi dan komunikasi dua hala antara pengkaji dan peserta kajian. Oleh itu, penggunaan kaedah kajian kes ini membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang permasalahan hafazan pelajar di Universiti Islam Selangor (Creswell 2007).

### Peserta Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 12 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat di Universiti Islam Selangor sebagai peserta kajian. Pemilihan peserta kajian tersebut dilakukan secara rawak bertujuan, iaitu teknik pengambilan peserta dengan mengambil kira pertimbangan tertentu. Pertimbangan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah peserta kajian yang dipilih dapat memberikan data sepenuhnya tentang kajian ini. Pemilihan peserta bagi kajian kualitatif adalah berdasarkan dengan kesesuaiannya dengan tajuk yang dikaji (Flick, 1998). Pemilihan peserta dalam kajian kualitatif (kajian kes) tidak berasaskan kepada jumlah ataupun kuantiti sampel seperti dalam kajian kuantitatif. Namun, yang paling penting ialah informan yang dipilih dapat memberikan maklumat secara maksimum dan peserta kajian tersebut memberikan maklumat yang hampir sama iaitu sampai kepada peringkat ketepuan data (Tamam et.al, 2010).

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan satu set soalan temu bual yang bertujuan untuk mendapatkan penjelasan dari peserta kajian berkaitan dengan cabaran menamatkan hafazan al-Quran 30 juzuk. Soalan protokol temu bual kajian ini telah dibina kepada dua bahagian iaitu set soalan berkaitan maklumat umum tentang latar belakang dan maklumat berkaitan hafazan mereka iaitu *muqarrar* semasa pelajar, jumlah muka surat yang dapat dihafaz setiap hari, tempoh masa untuk mendapatkan satu muka surat hafazan dan target menamatkan hafazan pelajar. Soalan pembuka ini dibina bagi mendapatkan maklumat awal tentang pelajar dan ingin membuatkan pelajar lebih rasa selesa dan tidak rasa janggal dan kekok dalam sesi temu bual. Kemudian barulah dimulakan dengan soalan berkaitan cabaran- cabaran yang dihadapi pelajar dalam menamatkan hafazan 30 juzuk.

### Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data

Bagi kesahan protokol temu bual, pengkaji telah melantik tiga orang pakar untuk menilai dan menyemak soalan protokol yang dibina. Tiga orang pakar yang dilantik tersebut merupakan pakar dalam bidang pengajian tahfiz. Mereka adalah Dr Rohana Zakaria (Ketua Jabatan al-Quran dan al-Qiraat UIS), Dr Mohamad Redha Mohamad (Ketua Program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat UIS) dan Ustaz Muhammad Izzat bin Ngah (Mantan Ketua Jabatan al-Quran dan al-Qiraat tahun 2020 hingga 2023).



Untuk melihat kebolehpercayaan data temu bual yang dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah pengiraan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa seperti yang dicadangkan oleh Yin (2004). Penggunaan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa boleh dipercayai untuk mengesahkan tema atau unit yang ditemui dalam analisis data temu bual supaya

boleh dipercayai (Zamri 2004; Nik Mohd. Rahimi 2005). Dalam kajian ini, Indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa ialah  $K = 0.87$ . Nilai kebolehpercayaan yang diterima perlu melebihi 0.75 bagi menunjukkan tahap konsistensi pengekodan data yang dilakukan oleh pengkaji adalah tinggi (Landis dan Koch, 1977).

### Prosedur Penganalisan Data

Data yang diperoleh dari sesi temu bual tersebut, ditranskripsi dan disemak satu persatu. Seterusnya, transkripsi tersebut ditemakan mengikut dapatan yang diperoleh. Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai pada tahap ketepuan data. semua hasil transkripsi dipastikan bersih terlebih dahulu, iaitu dengan cara meminta tolong semak semula (peer-checking) oleh subjek kajian. Tema-tema yang ditemui adalah berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menamatkan hafazan al-Quran 30 juzuk.

## 5.0 HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan ke atas 12 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat Universiti Islam Selangor mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran yang dihadapi pelajar. Hasil temubual yang dijalankan, cabaran yang dihadapi pelajar dapat diklasifikasi kepada dua jenis cabaran iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman adalah dari diri sendiri, pengurusan masa, motivasi dan kesedaran dan disiplin. Manakala terdapat lima tema dari cabaran luaran (external) iaitu pengaruh rakan, suasana persekitaran, tugas tambahan, kekangan masa serta pengaruh gajet dan media sosial.

### Cabaran dalaman (*internal*)

#### i. Diri Sendiri

Hasil dari temubual ke atas 12 orang pelajar, 8 orang pelajar mengatakan bahawa faktor diri sendiri seperti malas mengulang hafazan, cepat mengantuk apabila hendak mengulang hafazan, lupa hafazan menjadi cabaran utama dalam menamatkan hafazan 30 juzuk. Sikap malas tentunya wujud dalam diri seseorang manusia. Oleh itu, seharusnya seorang pelajar melawan sikap malas tersebut bagi menamatkan hafazan 30 juzuk. Salah satu cara untuk membiarkan perasaan dan sikap malas bersarang dalam diri seseorang, setiap pelajar perlu jelas tentang hala tuju selepas menamatkan hafazan. Apabila pelajar jelas dengan hala tuju, walaupun sikap malas datang, pelajar dapat melawan perasaan dan sikap malas tersebut. Selain itu pelajar perlu ada target hafazan dan menyediakan jadual hafazan dan jadual harian agar masa 24 jam sehari terisi dengan perkara yang tidak melalaikan.

Cabaran terbesar bagi penghafaz al-Quran ialah lupa apa yang telah dihafaz. Ia bukan hanya dialami oleh sebahagian kecil para hafiz al-Quran tetapi ia sebenarnya dihadapi oleh hampir keseluruhan para hafiz al-Quran. Tugas menjaga hafazan al-Quran agar tidak hilang dan luput daripada ingatan bukan sesuatu perkara yang mudah. Ia memerlukan komitmen yang tinggi dari seorang penghafaz al-Quran. Masalah lupa hafazan al-Quran dikenal pasti berlaku disebabkan kealpaan para hafiz al-Quran itu sendiri yang memandang ringan terhadap tanggungjawab besar tersebut. Ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Ashraf Ismail (2021) yang mengatakan bahawa persoalan mengenai proses mengulang al-Quran dan ihtbat hafazan seringkali dipandang ringan dan sepi oleh kebanyakan para hafiz al-Quran. Ia terjadi berikutan kelemahan dalam mengatur strategi bagi mengurus kesibukan terus menerus dalam urusan



kehidupan seharian. Hakikatnya, proses mengekalkan hafazan al-Quran sebenarnya lebih sukar daripada permulaan menghafaz al-Quran.

*(R1, 2023) Cabaran diri sendiri, buat sambil lewa, tak terlalu menjaga hafazan macam kat tahfiz dulu. Selalu lupa bila habis tasmik*

*(R2, 2023) Faktor diri sendiri*

*(R11, 2023) Cabaran utama diri sendiri sebenarnya*

*(R7, 2023) Malas untuk mengulang*

*(R8) Rasa malas dan mengantuk*

*(R10, 2023) Bila malas datang memang jadi satu cabaran lah.) Cabaran yang paling besar ialah lupa. Sebab tinggal terus hafazan lepas habis sekolah dulu.*

*(R12, 2023) Kekangan diri sendiri sebab malas*

*(R9, 2023) Cabaran utama bagi saya ialah lupa hafazan, bila lupa kita jadi malas nak mengulang*

## ii. Pengurusan Masa

Berdasarkan hasil temubual, 9 orang dari 12 orang pelajar mengatakan kekangan masa menjadi cabaran bagi mereka menamatkan hafazan 30 juzuk dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ironinya, kehidupan di universiti tidak sama seperti ketika pelajar berada di sekolah dan maahad. Jika di maahad pelajar dapat menumpukan hafazan sepenuhnya tanpa belajar pelbagai subjek lain. Namun di peringkat universiti, pelajar perlu membahagikan masa dan mengurus masa dengan baik, agar hafazan, mata pelajaran lain, urusan-urusan lain terlaksana dengan sempurna.

Abdul Hafiz (2005) menyatakan kegagalan dalam mengurus masa dalam pembelajaran akan mendatangkan kesan yang negatif kepada seorang penghafaz al-Quran. Penghafaz al-Quran yang tidak mampu untuk mengurus masa secara berdisiplin akan merasa kesuntukan masa untuk menghafaz di samping melakukan kerja-kerja yang lain. Oleh yang demikian seorang penghafaz al-Quran perlulah bijak mendisiplinkan diri dan mencari masa untuk menghafaz dan mengulang.

Oleh itu, pengurusan masa yang lemah, mengabaikan tanggungjawab serta tidak berdisiplin dalam mengulangkaji al-Quran juga turut menjadi penyebab berlakunya lupa hafazan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran. Perkara ini akan memberi kesan negatif terhadap kualiti hafazan al-Quran mereka kerana kekuatan hafazan akan menjadi lemah dan luput daripada ingatan kerana hafazan yang lancar dan mantap sama sekali tidak akan diperolehi tanpa mengulangkaji secara terus-menerus daripada menghafaznya. Bahkan menjadi satu tanggungjawab yang sangat besar bagi para hafiz untuk terus memastikan hafazan al-Quran tersebut terus mekar dalam ingatan sehingga ke akhir hayat mereka

*(R1, 2023) Cabaran lain ialah masa untuk tasmik bagi pelajar degree tu masa nak tasmik sikit banding dengan diploma, kadang-kadang tak capai target sebab masa tasmik tu terhad*

*(R2, 2023) Kelas 3 hari seminggu bagi saya tak cukup, jadi saya ambil peluang masuk kelas pelajar diploma bila saya taka da kelas*



*(R5, 2023) Masa untuk saya dapatkan hafazan terlalu terhad*

*(R3, 2023) Cabaran adalah masa, sebab kita bukan Sahaja ada subjek al-Quran tetapi ada juga subjek lain, jadi ken acari masa*

*(R6, 2023) Masih belum dapat rentak lagi untuk bahagi masa*

*(R9, 2023) Sebab kekangan masa jadi terlepas masa yang sepatutnya ulang balik*

*(R12, 2023) Sibuk dengan persatuann, banyak kerja dan program*

*(R7, 2023) Masa yang kita spend untuk al-Quran dan lain-lain tu tak sama macam waktu bujang*

*(R10) Masa dengan al-Quran makin sikit sebab sibuk dengan hal rumah.*

### **iii. Motivasi dan Kesedaran**

6 orang dari 12 orang pelajar memberi respon bahawa cabaran menamatkan hafazan 30 juzuk adalah disebabkan kurang motivasi. Motivasi dan kesedaran memainkan peranan penting dalam penguasaan hafazan. Motivasi adalah daya pendorong yang membolehkan seseorang untuk memulakan dan mengekalkan semangat dalam proses menghafaz. Apabila seseorang mempunyai motivasi yang tinggi untuk menghafaz, seperti keinginan untuk mencapai matlamat tertentu atau kepentingan peribadi, mereka lebih cenderung untuk menjadikan proses menghafazan sebagai keutamaan. Motivasi yang kuat juga membantu mereka bersikap tekun dan sabar ketika menghadapi kesukaran dalam menghafaz. Keupayaan untuk memotivasikan diri sendiri dalam proses hafazan boleh menjadi cabaran jika mahasiswa kurang motivasi dan semangat.

*(R2) Ada masa kita up ada masa kita down dan Tak dapat semangat dari guru tasmik dan parent.*

*(R4) Cabaran bagisaya ialah semangat. Ada semangat kita naik, kitab oleh push diri. Tapi kalau semangat turun, tu perlunya kawan yang bagi semangat.*

*(R7) Cabaran yang paling besar ialah kurang semangat.*

*(R9) Kalau mood rajin, boleh je nak hafaz banyak. Kalau mood malas, memang kurangnya.*

*(R10) Tak jadikan al-Quran itu penting.*

*(R12) Fikiran tak terlalu fokus dengan al-Quran.*

### **iv. Disiplin**

Disiplin merupakan di antara aspek yang paling penting dalam kalangan mahasiswa tahfiz. Mahasiswa yang berdisiplin dapat menambahkan lagi motivasi untuk menjaga hafazan al-Quran. Dengan adanya disiplin, seseorang mampu melibatkan keupayaan untuk mengekalkan fokus yang tinggi, memberikan perhatian yang konsisten kepada proses hafazan tanpa mudah terganggu oleh faktor-faktor luaran, dan memastikan bahawa waktu yang mencukupi diperuntukkan untuk proses hafazan. Tanpa disiplin dan kesungguhan dalam menghafaz, pencapaian pelajar akan terjejas dan kesan jangka panjang dari ses hafazan mungkin tidak dapat dicapai dengan berkesan. Berdasarkan temubual secara bersemuka yang telah dilaksanakan bersama mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat



UIS, dapatan menunjukkan tahap disiplin dalam kalangan mahasiswa berada pada tahap sederhana. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kepada temu bual mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat.

*(R5) Cabaran paling utama adalah disiplin diri. Cabaran untuk disiplin dan konsisten mengulang selepas tasmik.*

*(R4) Konsisten untuk mengulang*

*(R5) Cabaran untuk mengekalkan hafazan. Jadi perlunya pengulangan yang kerap, bila dah tinggal mengulang tu memakan masa yang lama untuk ingat balik sebelum tebuk.*

Hakikatnya, menjadi tanggungjawab bagi seseorang hafiz al-Quran untuk mengingati dan mengekalkan hafazan al-Quran agar tidak hilang atau lupa dari ingatan kerana melupakan hafazan al-Quran setelah menghafaznya ialah suatu dosa di sisi Allah SWT. Antara punca lupa hafazan dalam kalangan penghafaz al-Quran adalah berpunca daripada strategi pengurusan masa yang lemah, cintakan dunia dan terlalu sibuk dengannya, hati yang kotor dan banyak melakukan maksiat, tidak sabar, malas dan mudah berputus asa dalam mengulang al-Quran, niat yang tidak ikhlas kerana Allah SWT semata-mata, serta sukar membezakan ayat-ayat mutashabihat.

Kesimpulannya, terdapat ramai mahasiswa yang telah bergelar huffaz namun didapati tidak dapat mengekalkan hafazan mereka. Menurut Ashraf Ismail et al. (2021) mengekalkan ingatan tentang apa yang telah dihafaz dan telah ditasmik dengan guru adalah cabaran yang paling besar dalam kalangan penghafaz AlQuran. Ramai pelajar yang berjaya ingat, dan ramai juga pelajar yang berjaya tasmik, tetapi belum tentu mereka berjaya mengekalkan ingatan mereka. Pengekalan hafazan adalah merupakan tugas yang berat, sehingga memerlukan iltizam dan kebiasaan melakukan ulangan hafazan yang berterus sehingga akhir hayat. Setidak-tidaknya selepas selesai tasmik dengan guru, pelajar tersebut perlu diuji hafazannya.

### **Faktor Luaran (External)**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap 12 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat UIS, terdapat empat tema dari faktor luaran dalam mengulang hafazan al-Quran iaitu pengaruh rakan, tugas tambahan, suasana persekitaran, gangguan gajet dan media sosial.

#### **i. Pengaruh Rakan**

Pengaruh rakan menjadi salah satu faktor utama dalam cabaran menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Adakalanya rakan boleh menjadi faktor positif dan adakalanya rakan boleh menjadi faktor negatif dalam usaha penguasaan hafazan seseorang. Dari segi faktor positif, rakan-rakan boleh memberikan sokongan moral dan motivasi kepada seseorang yang ingin menguasai hafazan. Mereka boleh berkongsi teknik dan strategi yang berkesan dalam memahami dan mengingati bahan pembelajaran. Ini membantu meningkatkan semangat dan keyakinan pelajar. Mereka juga boleh menjadi orang yang akan mengingatkan kita ketika kita alpa dan leka.

*(R3) Kena cari sahabat yang membantu.*

*(R4) Perlunya kawan-kawan yang bagi semangat.*

Namun, rakan juga boleh menjadi faktor negatif dalam penguasaan hafazan. Terlalu banyak gangguan dari rakan-rakan seperti ajakan untuk melakukan aktiviti sosial yang melalaikan atau tekanan untuk terlibat dalam aktiviti yang tidak berkaitan dengan pembelajaran boleh menghalang usaha pelajar untuk fokus pada hafazan.

*(R6) Pengaruh kawan ajak lepak.*



*(R9) Ada sedikit cabaran dari kawan selain bidang tahfiz. Kadang-kadang ajak keluar dan sebagainya.*

*(R11) Kekangan kawan-kawan selalu ajak keluar.*

*(R12) Kawan-kawan ajak keluar.*

Oleh itu, mahasiswa perlu bijak menguruskan hubungan dengan rakan-rakan mereka dan memastikan bahawa pengaruh rakan lebih bersifat positif daripada negatif untuk mencapai kejayaan dalam penguasaan hafazan.

## **ii. Tugas Tambahan**

Tugas tambahan seperti menulis tahriri, tebuk ayat hafazan, subjek-subjek selain hafazan dan aktif dengan kerja persatuan adalah salah satu cabaran dalam penguasaan hafazan. Ini kerana mahasiswa perlu membahagikan masa untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran dan dalam masa yang sama perlu melaksanakan tugas-tugas tambahan ini. Mereka perlu memastikan penulisan tahriri, tebuk, subjek lain atau melaksanakan kerja persatuan tidak terjejas oleh kesibukan menghafaz.

4 orang dari 12 orang pelajar mengatakan penulisan tahriri mengganggu hafazan mereka kerana pelajar perlu menyelesaikan tahriri terlebih dahulu sebelum tasmik dengan guru. Terdapat juga pelajar yang mengatakan tebuk ayat hafazan sebelum dapat memasuki juzuk baru menjadi satu faktor mereka tidak dapat menamatkan hafazan dalam tempoh yang ditetapkan. Namun begitu, pelajar seharusnya fokus dan membahagikan masa dengan baik untuk menyelesaikan tugas tersebut. Tugas tersebut merupakan salah satu strategi tambahan dalam mengingat hafazan al-Quran, bukannya untuk membebaskan pelajar. Tugas tambahan ini boleh menjadi peluang untuk mendalami pemahaman tentang Al-Quran dan agama secara keseluruhannya. Justeru, ia adalah cabaran yang memerlukan keseimbangan dan kesungguhan dalam pembelajaran. Kecekapan dalam menguruskan masa dan menjadikan hafazan sebagai keutamaan adalah penting untuk menghadapi cabaran ini.

*(R1) Cabaran untuk tulis tahriri, sebab sebelum ni hafaz tak perlu tulis tahriri.*

*(R4) Cabaran bagi saya ialah tulis tahriri. Sebab nak tasmik mesti kena tulis tahriri. Walaupun modal tasmik dah lancar tapi tak tulis tetap tak boleh tasmik.*

*(R7) Cabaran utama saya adalah nak tulis tahriri, sebab kena tulis dulu baru boleh tasmik.*

*(R8) Cabaran utama adalah nak tulis tahriri, sebab malas nak tulis tu.*

*(R3) Cabaran bagi saya, cabaran paling utama ialah tebuk. Lepas setiap kali tasmik, kalau tak betul-betul mengulang. Tempoh nak tebuk tu jadi lama dan menyebabkan muqarrar jadi lebih Panjang*

*(R5) Saya terlibat dengan persatuan dan amanah yang saya dapat terlalu berat bagi saya.*

*(R12) Saya join persatuan dari sem 1 hingga sem 8, jadi komitmen tu tak sama dengan orang lain. Lepas tu sibuk dengan persatuan, banyak kerja dan program.*

## **iii. Suasana dan Persekitaran**

Faktor suasana dan persekitaran memainkan peranan penting dalam mewujudkan emosi yang baik. Salah satu cabaran utama dalam penguasaan hafazan adalah tiada suasana persekitaran yang kondusif. Kita perlu menyedari bahawa suasana persekitaran yang sesuai amat penting untuk membantu seseorang dalam proses hafazan. Kajian Jaafar et al.



(2016) mendapati suasana menghafaz memberi perangsang kepada pelajar untuk menamatkan hafazan. Keheningan dan kedamaian adalah kunci dalam membolehkan seseorang memberi tumpuan sepenuhnya kepada apa yang dihafaz. Jika seseorang terdedah kepada bunyi bising atau gangguan, proses hafazan boleh menjadi lebih sukar. Oleh itu, penting untuk mencipta suasana yang selesa dan memberi dorongan dalam usaha penguasaan hafazan.

*(R6) "Waktu PKP saya memang tinggal Al-Quran sebab tiada suasana belajar di rumah.*

*(R11) Waktu PKP tu takde suasana sebab kat rumah. Kalau kat rumah, kekangan tu parent sebab parent tak faham, jadi selalu minta tolong buat kerja rumah. Jadi nak tasmik tu tak semangat.*

*(R12) Antara cabaran saya adalah takde suasana. Sebab sekarang di universiti kita bebas, banyak keluar jalan-jalan, program.*

*(R2) Kekangan bila balik rumah saya susah nak pegang Al-Quran sebab sibuk buat kerja rumah.*

*(R5) Cabaran saya ialah sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tekanan daripada luar menyebabkan saya terpaksa drop subjek iadah saya.*

#### **iv. Gangguan Gajet dan Sosial**

Gangguan gajet dan media sosial merupakan dua faktor utama yang memberi cabaran besar kepada pelajar tahfiz dalam usaha meningkatkan penguasaan hafazan mereka. Penguasaan hafazan memerlukan perhatian dan tumpuan yang tinggi, tetapi gajet seperti telefon pintar dan tablet sering kali menjadi sumber gangguan. Para pelajar tahfiz juga terdedah kepada perangkap bermain permainan atau melayari laman sosial. Selain itu, penggunaan gajet juga boleh mengganggu tidur yang mencukupi, yang merupakan faktor penting dalam penguasaan hafazan.

*(R1) Saya kuat main game, sepatutnya waktu tu kena mengulang tapi saya main game.*

*(R6) Cabaran paling kuat adalah gajet, saya susah nak lepas dengan gajet.*

Pelajar yang terjebak dalam permainan game dan gajet ini akan menjadi ketagih dan membuatkan mereka tidak dapat memberi fokus dan tumpuan dalam hafazan dan pelajaran lain. Ini adalah faktor yang sangat membimbangkan dan melalaikan pelajar. Oleh itu, setiap pelajar harus meletakkan masa tertentu sahaja untuk bermain gajet. Hafazan al-Quran perlu menjadi keutamaan. Begitu juga dengan pengaruh media sosial yang menjadi pengganggu utama. Pelajar tahfiz sering kali menghabiskan masa yang berlebihan di platform sosial seperti Facebook, Instagram, Tiktok dan Twitter. Mereka boleh menjadi ketagihan kepada mesej, gambar, atau perkongsian yang tidak memberi manfaat, yang mengganggu fokus dan masa yang sepatutnya diperuntukkan untuk hafazan. Berbanding dengan generasi sebelumnya, mahasiswa sekarang mungkin menghabiskan lebih banyak masa di media sosial, yang boleh mengakibatkan tekanan sosial yang tidak diinginkan. *shows the students' performance in SMU/SMTQ examination in 2012.*

## **6.0 KESIMPULAN**

Golongan huffaz di Malaysia merupakan suatu aset yang cukup besar dan berharga yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya dalam melaksanakan aktiviti dakwah kepada masyarakat. Potensi mereka sangat besar dan dapat berkembang dengan baik jika dikelola dengan teliti dan efektif. Kesedaran dalam kalangan ummah telah menyebabkan peningkatan bilangan institusi tahfiz di negara ini untuk menampung permintaan yang semakin meningkat. Pendekatan yang diambil oleh Universiti Islam Selangor (UIS) patut mendapat penghargaan kerana usaha gigih mereka dalam meningkatkan martabat institusi huffaz dan memberikan sumbangan kepakaran serta manfaat kepada masyarakat pada masa depan. Huffaz profesional inilah yang diharapkan akan menjadi contoh teladan dan pemimpin yang cemerlang dalam membawa Malaysia ke arah pencapaian dunia dan akhirat yang gemilang. Berdasarkan kajian ini, ia boleh



dijadikan sebagai panduan kepada pihak pengurusan Jabatan Tahfiz UIS untuk menilai semula dan menyelidik langkah-langkah yang lebih baik bagi meningkatkan program yang ditawarkan kepada pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, beberapa cadangan penambahbaikan dinyatakan bagi membantu pelajar dapat membaiki prestasi dan pencapaian mereka. Sebagai seorang pelajar yang perlu menyelesaikan hafazan al-Quran dalam tempoh pengajian, pelajar perlu membuat persediaan diri sebaik mungkin sebelum memulakan perjalanan sebagai seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat. Persediaan dari segi mental dan fizikal diperlukan untuk pelajar menghadapi 4 tahun perjalanan sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat. Selain itu, pelajar perlu mengutamakan apa yang penting dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pelajar. Gangguan luar seperti media sosial dan permainan (*games*) yang boleh melalaikan dan meleakakan perlu dijauhi. Pelajar perlu memberi lebih komitmen dan tanggungjawab kepada al-Quran dan subjek-subjek yang perlu dipelajari sepanjang pengajian.

Selain komitmen pelajar dalam menggalas Amanah sebagai seorang pelajar hafiz al-Quran, sokongan ibu bapa dan guru juga perlu ada bersama pelajar dalam menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Sebagai ibu bapa, perlu memantau kegiatan anak-anak di dalam waktu pengajian dan hujung minggu. Walaupun sebahagian ibu bapa merasakan anak mereka sudah dewasa, namun untuk memastikan mereka tidak tergelincir dari landasan, ibu bapa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab untuk memantau mereka. Sebagai seorang guru/ pensyarah, nasihat dan pesanan berkaitan tanggungjawab menghafaz, mengingati, mengulang al-Quran itu perlu sentiasa diberi kepada pelajar agar pelajar sedar bahawa tanggungjawab mereka dalam menjaga kalam Allah. Pelajar-pelajar inilah yang akan menjadi pemimpin negara yang mampu memimpin negara selari dengan landasan al-Quran dan al-Sunnah.

#### **CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN**

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

#### **ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada SMKA Putrajaya yang memberi Kerjasamadalam penulis menjalankan kajian.

#### **REFERENCES / RUJUKAN**

- Abd Rahman Abd.Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir. 2020. Amalan Hafazan al-Quran di Darul Quran JAKIM. *Jurnal Perspektif* 1 (1)
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah. 2005. Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Hudaa Hassan. 2021. Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Tasmik Hafazan al-Quran Secara atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah* kali ke 21: Dakwah dalam Talian Semasa PandemikLandis dan Koch (1977)
- Chua Yan Piaw 2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn Bhd.Creswell. 2007. Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods ApproachesThousand Oaks: Sage Publications.
- Flick, U. 1998. An introduction to qualitative research. Sage Publications Ltd.
- Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad & Muhammad Hafiz Saleh. 2021. Motivasi Intrinsik: Isu Dan Cabaran Dalam Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar USIM. *Jurnal Qiraat*.
- Jaafar, N., Raus, N.M., Toure, A.K., Ahmad, A.M., Rasdi, M.N.A & Mohammad N.A.F. 2016. Faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar berkeperluan khas (penglihatan) dalam menghafaz al-Quran: Kajian di Darul Quran JAKIM. *Muallim al-Quran wa al-Sunnah* 11(2).
- Khairul Anuar Mohamad. 2009. Sistem Kawalan Kualiti Huffaz. Kuala Kubu Bharu.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri. Tesis Doktor Falsafah, Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Portal Rasmi, Universiti Islam Selangor. <https://study.uis.edu.my/bi04>



Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahimi Nik Yussof dan Jamaludin Badushah. 2010. Masalah Membaca Murid-murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35:(2)pg.77- 85.

Yin R.K. 2004. *Case Study Research: Design and Methods*. Jil 5. London Stage.

Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.